

Pendekatan Pergerakan Berirama dalam Pembelajaran Rekoder untuk Meningkatkan Kecerdasan Emosi Murid Sekolah Rendah Berprestasi Akademik Rendah

Md Jais Ismail

Institut Seni Kreatif Nusantara (INSAN), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
e-mail: mdjais@uitm.edu.my

Published online: 20 November 2025

Cite this article: Md Jais Ismail. (2025). Pendekatan pergerakan berirama dalam pembelajaran rekoder untuk meningkatkan kecerdasan emosi murid sekolah rendah berprestasi akademik rendah. *Malaysian Journal of Music* 14 (1), 58–81.
<https://doi.org/10.37134/mjm.vol14.1.4.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneroka potensi integrasi pergerakan berirama dalam pembelajaran muzik rekoder sebagai pendekatan inovatif untuk meningkatkan kecerdasan emosi (EI), yang diukur melalui EQ (*Emotional Quotient*), dalam kalangan murid dengan tret masalah emosi serta berprestasi rendah. Kajian ini turut menyumbang kepada pembangunan intervensi pendidikan yang lebih komprehensif dan berkesan. Pendekatan campuran (*mixed methods*) digunakan dengan melibatkan 18 orang murid berprestasi akademik rendah (di bawah Tahap Penguasaan 2) dan memiliki tret masalah emosi. Data dikumpul melalui soal selidik ujian pra-pasca, pemerhatian, dan temu bual melibatkan tujuh orang peserta, dan dianalisis menggunakan ujian-t berpasangan serta analisis tematik. Intervensi melibatkan aktiviti muzik individu, berpasangan, dan berkumpulan selama empat jam, dengan fokus kepada elemen EQ seperti kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, empati, kemahiran sosial, dan motivasi. Keputusan menunjukkan peningkatan signifikan dalam EQ murid berdasarkan ujian-t berpasangan ($M_{\text{pra}} = 6.11$, $M_{\text{pasca}} = 6.95$, $p = 0.02$). Pemerhatian dan temu bual menunjukkan perubahan tingkah laku positif seperti peningkatan interaksi sosial, penglibatan aktif, serta keupayaan bekerjasama. Murid yang pada awalnya pasif menunjukkan keyakinan dan semangat lebih tinggi, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dapatan membuktikan bahawa integrasi pergerakan berirama dalam permainan rekoder bukan sekadar pengalaman muzikal tetapi juga medium pedagogi efektif untuk membangunkan EI (sebagaimana tercermin dalam peningkatan skor EQ) dan meningkatkan pencapaian akademik murid. Selain jalinan reflektif dan kolaboratif, kajian ini turut menawarkan pendekatan intervensi relevan untuk pendidikan abad ke-21. Kajian lanjut disarankan untuk meneroka keberkesanan muzik ini dalam subjek teras seperti matematik, sains, dan bahasa, termasuk penggunaan teknologi.

Kata kunci: EQ, pedagogi muzik, pendidikan muzik, pergerakan berirama, rekoder

Rhythmic Movement Approach in Recorder Learning to Enhance Emotional Intelligence Among Malaysian Low-Achieving Primary School Students

Abstract

This study aims to explore the potential of integrating rhythmic movement into recorder music lessons as an innovative approach to enhance the emotional intelligence (EI), which is measured through Emotional Quotient (EQ), among students with emotional challenges and low academic performance. It also contributes to the development of more comprehensive and effective educational interventions. A mixed-methods approach was employed, involving 18 students with low academic performance (below Mastery Level 2) and emotional difficulties. Data were collected through pre- and post-test questionnaires, observations, and interviews involving seven participants, and analysed using paired sample t-tests and thematic analysis. The intervention consisted of musical activities conducted individually, in pairs, and in groups over a four-hour period, focusing on EQ elements such as self-awareness, self-management, empathy, social skills, and motivation. Results revealed a significant improvement in students' EQ as indicated by the paired sample t-test ($M_{pre} = 6.11$, $M_{post} = 6.95$, $p = 0.02$). Observations and interviews highlighted positive behavioural changes, including increased social interaction, active participation, and improved collaboration skills. Students who were initially passive demonstrated higher levels of confidence and enthusiasm, which in turn created a more conducive learning environment. The findings confirm that integrating rhythmic movement into recorder playing is not merely a musical experience but an effective pedagogical medium for developing EI (as reflected in improved EQ) and enhancing students' academic performance. Beyond its reflective and collaborative framework, this study offers a relevant intervention approach for 21st-century education. Further research is recommended to investigate the effectiveness of this music-based intervention in core subjects such as mathematics, science, and language, including the integration of technology.

Keywords: EQ, music education, music pedagogy, recorder, rhythmic movement

Pendahuluan

Kecerdasan emosi (EI) merujuk kepada keupayaan individu untuk mengenali, memahami, dan mengurus emosi sendiri serta emosi orang lain dengan berkesan. Ia terdiri daripada lima komponen utama: kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, empati, kemahiran sosial, dan motivasi (Goleman, 1995). EQ, sebagai ukuran EI, memainkan peranan kritikal dalam perkembangan psikologi dan sosial murid, terutamanya dalam membantu mereka mengurus tekanan akademik, berinteraksi dengan rakan sebaya, dan membina daya tahan emosi. Namun, aspek emosi sering diabaikan dalam sistem pendidikan yang lebih menitikberatkan pencapaian akademik semata-mata. Keadaan ini lebih membimbangkan dalam kalangan murid berprestasi rendah, yang sering menghadapi cabaran emosi seperti rendah diri, tekanan akibat kesukaran pembelajaran, dan kesukaran menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial. Menurut Noradilah Md Nordin (2022) dalam laporan *BH Online*, murid-murid khususnya lelaki cenderung mengabaikan emosi mereka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, terutamanya apabila menghadapi kesukaran memahami topik tertentu. Jika tidak diatasi, masalah ini boleh mengakibatkan ketidakupayaan mengurus emosi, seterusnya menjejaskan prestasi akademik dan kemahiran sosial mereka dalam jangka panjang.

Di Malaysia, walaupun kesedaran tentang kepentingan EI semakin meningkat, kajian empirikal tentang intervensi khusus untuk murid berprestasi rendah masih terhad. Kajian lepas seperti Idris et al. (2019) dan Hazni Abd Rahim et al. (2023) melaporkan peningkatan kadar gangguan emosi dalam kalangan kanak-kanak daripada 13% (1996) kepada 20.3% (2006), tetapi data terkini masih kurang. Hal ini menyukarkan pembangunan intervensi yang relevan dengan konteks sosio-pendidikan tempatan. Murid berprestasi rendah sering menghadapi cabaran berganda bukan sahaja tekanan akademik tetapi juga kesukaran mengawal emosi negatif seperti rasa putus asa dan kerisauan. Ketidakupayaan mengurus emosi ini memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik, contohnya penurunan motivasi belajar dan kesejahteraan sosial seperti pengasingan diri atau konflik dengan rakan sebaya. Hal ini bertambah buruk jika pengajaran muzik kurang efektif kerana terlalu berfokus pada teknikal permainan alat muzik tanpa integrasi elemen emosi di samping kekangan sistem pendidikan seperti kurikulum yang padat, kekurangan latihan guru dalam pengkhususan pedagogi muzik, dan tekanan untuk mencapai target akademik semata-mata. Pendekatan tradisional yang berfokus pada latihan akademik terbukti tidak mencukupi; sebaliknya, pendekatan holistik yang menggabungkan elemen emosi, sosial, dan kognitif diperlukan untuk menyokong pembangunan murid secara menyeluruh.

Dalam konteks ini, pendidikan muzik muncul sebagai medium yang berpotensi untuk meningkatkan EI murid. Kajian lepas menunjukkan bahawa aktiviti muzik, terutamanya pergerakan berirama dan permainan alat muzik dapat memperkukuh perkembangan emosi dan sosial (Blasco-Magraner et al., 2021). Di Malaysia, bagaimanapun, pendekatan ini masih kurang diterokai, khususnya untuk murid berprestasi rendah. Alat muzik rekoder dipilih dalam kajian ini kerana beberapa kelebihan praktikal seperti mudah dipelajari dan sesuai untuk peringkat sekolah rendah, serta aktiviti berkumpulan seperti ensemble rekoder yang melatih

kerjasama dan empati, dan permainan rekoder melibatkan koordinasi pernafasan dan pergerakan yang secara tidak langsung melatih pengurusan sendiri dan tumpuan. Selain itu, pergerakan berirama (*rhythmic movement*) diperkenalkan sebagai sokongan kepada permainan rekoder. Pergerakan berirama seperti yang diinspirasi oleh kaedah Dalcroze (Jaques-Dalcroze, 1930) bukan sahaja melibatkan tindak balas fizikal terhadap muzik tetapi turut membantu murid memahami emosi melalui ekspresi badan. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan kesedaran emosi (*self-awareness*) dan kemahiran sosial melalui aktiviti berkumpulan yang interaktif. Namun, kajian ini tidak terhad kepada kaedah Dalcroze semata-mata; sebaliknya, ia meneroka pergerakan berirama secara umum sebagai alat pedagogi untuk meningkatkan EI.

Kajian ini juga mengisi jurang kajian lepas dengan mengetengahkan objektif berikut: 1) menganalisis keberkesanan intervensi muzik melalui integrasi pergerakan berirama dalam permainan rekoder untuk meningkatkan EQ murid; dan 2) meneroka pengalaman murid dalam mengembangkan kemahiran emosi dan sosial melalui aktiviti pergerakan berirama dalam permainan rekoder. Melalui pendekatan ini, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan intervensi pendidikan yang lebih holistik, relevan, dan berkesan, sekali gus meningkatkan kesejahteraan emosi dan prestasi akademik murid.

Tinjauan Literatur

Antonopoulou (2024) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai gabungan pelbagai komponen yang saling berkait, termasuk kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, motivasi, empati, dan kemahiran sosial, yang membantu seseorang individu menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial. Goleman (1995) memperkenalkan konsep kecerdasan emosi (*Emotional Intelligence* [EI]) sebagai elemen penting selain kecerdasan intelektual (IQ) dalam membentuk individu yang seimbang dan berfungsi secara optimum. Menurut Buşu (2020), pelajar dengan EQ yang tinggi lebih terbuka kepada idea baharu, lebih sihat secara mental, dan mampu berinteraksi dengan lebih baik, manakala pelajar dengan EQ yang rendah berisiko menghadapi masalah akademik dan sosial. Oleh itu, EI memainkan peranan penting dalam perkembangan emosi, hubungan interpersonal, dan kejayaan individu dalam pelbagai aspek kehidupan.

Steinberg et al. (2021) menyoroti peranan muzik dalam membantu pengurusan emosi dan meningkatkan hubungan sosial. Mereka mendapati muzik dapat berfungsi sebagai mekanisme untuk mengurangkan tekanan dan memperkukuh emosi dalam tempoh tertentu. Nur Kadariah Mansor et al. (2024) memberi fokus kepada gabungan elemen muzik dalam kalangan murid berprestasi rendah di Malaysia dan mendapati bahawa elemen muzik dapat meningkatkan literasi bahasa, bergantung kepada faktor seperti minat murid, tahap daya tumpuan, dan persekitaran pembelajaran. Kajian ini lebih spesifik kepada pembangunan literasi, menunjukkan bahawa muzik bukan sahaja intervensi kepada emosi tetapi juga berkesan dalam memperkukuh aspek akademik.

Jamilahbi Mohamed Ishaque (2022) pula telah menggunakan elemen audio visual berwarna-warni dalam video muzik yang didapati mampu menarik minat dan meningkatkan pencapaian murid. Ini sejajar dengan teori rangsangan kognitif, yang menyatakan bahawa visual dan audio membantu pemahaman konsep abstrak. Jika dibandingkan dengan Nur Kadariah Mansor et al. (2024), kedua-dua kajian menunjukkan keberkesanan elemen muzik dalam konteks pendidikan, namun pendekatan Jamilahbi Mohamed Ishaque (2022) lebih berfokus pada gabungan elemen visual dan audio, memberikan dimensi tambahan dalam pengajaran. Seterusnya, kajian Lee dan Ruhizan M. Yasin (2020) menumpukan pada hubungan linear antara aktiviti berunsur muzik dan perkembangan sosioemosi murid. Dapatan menunjukkan bahawa pengintegrasian aktiviti muzik yang tinggi dapat mempengaruhi tahap sosioemosi murid secara positif, dengan hubungan pada tahap sederhana tetapi signifikan antara minat dan perkembangan sosioemosi. Kajian ini menyediakan bukti empirikal yang menyokong hujah peranan muzik dalam membangunkan kesejahteraan emosi.

Ruokonen et al. (2021) menyatakan bahawa muzik memainkan peranan penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti muzik seperti nyanyian mempamerkan penglibatan yang lebih aktif, emosi positif, dan interaksi sosial yang lebih tinggi dengan penjaga mereka. Penekanan terhadap muzik juga meningkatkan kualiti persekitaran pembelajaran, yang membuktikan potensi muzik sebagai platform penting untuk menyokong perkembangan emosi dan sosial. Sementara itu, Calderón-Garrido dan Gustems-Carnicer (2021) meneliti penyesuaian guru muzik semasa pandemik COVID-19, di mana kekurangan sumber dan panduan memaksa mereka mengadaptasi kaedah pengajaran. Walaupun berhadapan cabaran, guru-guru mendapati bahawa pembelajaran muzik secara langsung meningkatkan hubungan dengan pelajar, namun kesannya terhadap emosi murid tidak diterokai secara mendalam.

Menurut Dingle et al. (2021), aktiviti muzik seperti nyanyian berkumpulan, bermain alat muzik, dan pergerakan berirama memberikan pelbagai manfaat kepada individu dari semua peringkat umur, termasuk kanak-kanak, warga emas, serta individu dengan gangguan mental dan fizikal. Pergerakan berirama yang diinspirasikan oleh Émile Jaques-Dalcroze (1930) melalui pendekatan Euritmik Dalcroze membugar tiga elemen utama dalam pergerakan, iaitu ruang, masa, dan tenaga (Md Jais Ismail et al., 2021). Pendekatan pedagogi muzik ini merangkumi empat jenis aktiviti utama, iaitu *inhibition-incitation*, memori, reaksi, dan deria. Kajian lepas mendapati bahawa aktiviti pergerakan berirama berpotensi memberi kesan positif terhadap koordinasi motor halus dan motor kasar, muzikaliti, emosi, serta perkembangan holistik kanak-kanak (Del Barrio & Arús, 2024; Juntunen, 2004; Md Jais Ismail et al., 2021). Dalam konteks pendidikan, Ruokonen et al. (2021) memberi tumpuan khusus kepada manfaat aktiviti muzik bagi kanak-kanak, manakala Calderón-Garrido dan Gustems-Carnicer (2021) menekankan cabaran pengajaran muzik dan menonjolkan muzik sebagai alat pedagogi yang fleksibel serta berkesan untuk meningkatkan pendidikan dan kesejahteraan emosi. Kesemua

kajian ini menyokong peranan penting muzik sebagai medium yang multifungsi, merangkumi pembangunan kognitif, emosi, dan sosial.


Pergerakan berirama, seperti yang dinyatakan dalam terapi pergerakan tarian (*Dance Movement Therapy* [DMT]), berpotensi memberi kesan positif terhadap perkembangan emosi, kognitif, dan sosial (Wu et al., 2022). *American Dance Therapy Association* (ADTA) menyatakan bahawa terapi pergerakan tarian (DMT) ialah penggunaan psikoterapeutik pergerakan sebagai proses yang menggalakkan integrasi emosi, sosial, kognitif, dan fizikal individu. Ini menunjukkan bahawa pergerakan berirama bukan sahaja memberi kesan fizikal tetapi juga mempertingkatkan keseimbangan emosi dan kognitif. Dalam konteks pembelajaran muzik rekoder, pergerakan berirama dapat diintegrasikan sebagai pendekatan holistik yang membolehkan murid berinteraksi dengan muzik melalui pergerakan aktif. Pendekatan ini bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran motorik tetapi turut menyumbang kepada pembentukan kecerdasan emosi murid.

Kajian lepas menunjukkan bahawa terapi berasaskan muzik dan pergerakan mampu memberikan kesan positif terhadap perkembangan motorik dan keseimbangan emosi. Zhou et al. (2021) mendapati bahawa terapi ini dapat meningkatkan fungsi motor, keseimbangan, keupayaan berjalan, dan kesihatan mental. Prinsip asas terapi ini boleh diaplikasikan dalam konteks pendidikan muzik untuk murid sekolah rendah. Pengintegrasian pergerakan dan muzik mampu membantu murid dalam aspek perkembangan motorik dan kestabilan emosi, sekali gus mengurangkan tekanan dan kebimbangan mereka. Selain itu, Lauffenburger (2020) mengenal pasti faktor-faktor unik dalam terapi pergerakan tarian yang membezakannya daripada terapi tradisional. Faktor-faktor ini termasuk dinamisme dan ekspresi emosi melalui pergerakan, serta interaksi teori psikologi, psikoanalisis, dan kerangka pergerakan khusus. Faktor-faktor ini penting dalam integrasi pergerakan berirama dengan muzik rekoder kerana murid dapat menyatakan emosi mereka secara semula jadi melalui gerakan. Pergerakan yang disesuaikan dengan muzik membantu murid fokus dan mengawal perasaan negatif seperti kebimbangan atau ketidakpastian.

Wu et al. (2022) turut menekankan keperluan reka bentuk kajian yang saintifik dan komprehensif dalam meneroka kesan terapi pergerakan terhadap aspek emosi dan kognitif. Kajian lepas menunjukkan peningkatan minat terhadap intervensi muzik terhadap murid berprestasi rendah. Kajian Kang (2009) di Korea mendapati terdapat peningkatan motivasi yang signifikan ($p < 0.001$) dalam penggunaan muzik sebagai elemen psikoterapi terhadap murid-murid berprestasi rendah. Kajian Schiltz (2016) pula menunjukkan keberkesanan intervensi muzik terhadap kapasiti perhatian, imaginasi, kreativiti, keyakinan diri (*self-esteem*), dan peningkatan markah dalam kalangan murid berisiko dalam aspek emosi dan tingkah laku. Sementara itu, D'Souza dan Wiseheart (2018) menyimpulkan bahawa terdapat kesan penggunaan muzik dan gerak tari terhadap daya kognitif kanak-kanak, yang memerlukan lebih banyak sokongan dan kajian lanjutan. Aktiviti muzik melalui pergerakan berirama dipercayai bukan sahaja menarik minat murid berprestasi rendah tetapi juga mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan tidak membebankan, seperti yang telah dibuktikan dalam kajian Md Jais Ismail et al. (2021). Aktiviti kumpulan yang melibatkan pergerakan seragam atau tarian kecil

semasa bermain rekoder turut membantu meningkatkan kerjasama dan interaksi positif antara murid.

Beberapa teori utama kecerdasan emosi (EI) dan pembelajaran muzik membentuk kerangka teoretikal yang relevan dengan kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Model Goleman (1995) menekankan lima dimensi EI, iaitu kesedaran sendiri, pengurusan emosi, motivasi, empati, dan kemahiran sosial sebagai asas pembangunan holistik, manakala Model Mayer–Salovey (Mayer & Salovey, 1997) lebih berfokus pada keupayaan kognitif untuk memproses maklumat emosi. Dalam konteks muzik, Teori Pembelajaran Sosial Bandura (Bandura, 1977) menyokong bahawa interaksi kumpulan (seperti ensembel rekoder) memperkukuh kemahiran sosial melalui pemerhatian dan peniruan, sementara Pendekatan Euritmik Dalcroze (Jaques-Dalcroze, 1930) menegaskan bahawa pergerakan berirama terbina daripada integrasi antara elemen ruang, masa, dan tenaga. Penegasan ini disokong oleh kajian Denisova (2016) yang menggunakan pergerakan berirama terhadap kanak-kanak istimewa untuk membuktikan bahawa pergerakan berirama bukan sahaja meningkatkan koordinasi fizikal tetapi juga perkembangan emosi. Pemilihan teori Goleman (1995) dan pendekatan pergerakan berirama dalam kajian ini berasaskan kesesuaiannya dengan konteks murid berprestasi rendah, di mana gabungan pengurusan emosi (Goleman) dan pembelajaran kinestetik mampu mengatasi cabaran motivasi dan tumpuan. Pergerakan berirama berfungsi sebagai saluran bagi murid untuk melepaskan emosi negatif dan mengurus tekanan secara lebih positif (Juntunen, 2004). Proses ini turut meningkatkan fokus dan disiplin murid kerana koordinasi antara pergerakan, rentak, dan permainan rekoder memerlukan ketekunan serta kawalan diri. Pendekatan ini bersifat holistik dan berpotensi membantu murid sekolah rendah berprestasi akademik rendah untuk membina kestabilan emosi dan kemahiran interpersonal yang lebih baik.



Rajah 1. Kerangka teoretikal


Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk separa eksperimental dengan pendekatan kaedah campuran (*mixed methods*) yang melibatkan kaedah pengumpulan data secara soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Dengan mengadaptasi konsep separa eksperimental (*one-group pretest-posttest design*), kajian dimulakan dengan ujian pra menggunakan soal selidik untuk menilai tahap awal kecerdasan emosi (EI) murid sekolah rendah berprestasi akademik rendah di Putrajaya. Bertepatan dengan prinsip separa eksperimental, kajian ini menumpukan pada satu kumpulan kajian (kumpulan eksperimen) memandangkan subjek kajian bersifat unik, iaitu mempunyai prestasi rendah dan memiliki tret masalah emosi. Bilangan mereka sedikit dan tidak dapat dibandingkan dengan kumpulan lain sebagai kumpulan kawalan yang memberikan peluang kepada penyelidik untuk memberi tumpuan khusus kepada subjek dan meminimumkan pembolehubah gangguan.

Seterusnya, intervensi dilaksanakan melalui aktiviti pergerakan berirama yang digabungkan dengan pembelajaran rekoder. Selepas intervensi, ujian pasca dijalankan untuk menilai perubahan kecerdasan emosi melalui soal selidik dan temu bual. Pemerhatian peserta turut dijalankan sepanjang intervensi berlangsung. Penilaian kecerdasan emosi merangkumi lima domain utama berdasarkan teori Goleman (1995): kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, motivasi, empati, dan kemahiran sosial, dengan penekanan pada aktiviti pergerakan berirama yang merangkumi pedagogi *inhibition-incitation*, memori, reaksi, dan deria berdasarkan

pendekatan Euritmik Dalcroze (Jaques-Dalcroze, 1930). Konsep ini diilustrasikan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Rekabentuk kajian

Sampel

Sampel kajian ini melibatkan 18 orang murid sekolah rendah berusia 12 tahun yang tinggal dan bersekolah di kawasan bandar di Malaysia. Kajian melibatkan intervensi berbentuk aktiviti pergerakan berirama dan pembelajaran rekoder, yang memerlukan penyelidik memantau pelaksanaannya dengan teliti. Saiz sampel ini memastikan intervensi dapat dijalankan secara berkesan dengan mengambil kira populasi murid yang terhad, iaitu murid yang memiliki tret masalah emosi dan berprestasi akademik rendah (di bawah Tahap Penguasaan 2), yang bilangannya kecil dan memerlukan pemerhatian rapi. Sampel terdiri daripada 11 orang murid lelaki dan tujuh orang murid perempuan, yang dipilih melalui kaedah *snowball sampling*. Kaedah ini melibatkan pemilihan murid yang telah dikenalpasti oleh guru sebagai memenuhi kriteria kajian, iaitu memiliki tret masalah emosi dan berprestasi akademik rendah, dan kemudian nama-nama murid ini dicadangkan kepada penyelidik sebagai responden. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberikan peluang untuk mendapatkan responden yang benar-benar mencerminkan populasi sasaran kajian dan memastikan ketepatan data yang diperoleh.

Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data melibatkan tiga kaedah utama, iaitu soal selidik, temu bual separa berstruktur, dan pemerhatian peserta (*participant observation*). Soal selidik yang dikenali sebagai Soal Selidik Kecerdasan Emosi (SSKE) bertujuan

menilai lima domain utama kecerdasan emosi, iaitu kesedaran sendiri (6 item), pengurusan sendiri (6 item), motivasi (5 item), empati (5 item), dan kemahiran sosial (6 item). Setiap item menggunakan skala semantik 1 hingga 9, di mana 1 menunjukkan "Sangat Tidak Setuju" dan 9 menunjukkan "Sangat Setuju." Instrumen ini turut menyediakan arahan pengisian serta ruangan maklumat demografi seperti jantina, umur, dan lokasi pada muka hadapan soal selidik. Instrumen soal selidik ini telah disemak oleh dua orang pakar instrumen dan kandungan untuk memastikan kesahihan kandungannya. Ujian rintis juga telah dijalankan ke atas 35 orang murid untuk menguji kebolehpercayaan instrumen, dan hasilnya menunjukkan nilai Cronbach's Alpha = 0.71, yang berada pada tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima. Dalam konteks kajian sebenar, soal selidik ini digunakan dalam dua peringkat, iaitu sebelum intervensi (*pre-test*) dan selepas intervensi (*post-test*), bagi menilai perubahan kecerdasan emosi responden selepas mengikuti program intervensi pergerakan berirama dan pembelajaran rekoder.

Selain soal selidik, data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur. Seramai tujuh orang murid dipilih sebagai peserta temu bual berdasarkan kriteria tertentu, seperti kesediaan untuk berkongsi pengalaman, boleh bercakap dengan jelas, serta aktif melakukan aktiviti pergerakan berirama. Kajian ini turut mengaplikasikan kaedah pemerhatian peserta sebagai instrumen pengumpulan data. Pemerhatian dijalankan sepanjang proses intervensi, di mana penyelidik memantau tingkah laku murid secara langsung semasa aktiviti pergerakan berirama dan pembelajaran rekoder dijalankan. Pemerhatian memfokuskan aspek-aspek yang berkaitan dengan domain kecerdasan emosi, iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, motivasi, empati, dan kemahiran sosial.

Prosedur Pelaksanaan Intervensi

Penyelidik telah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah untuk melaksanakan program ini. Intervensi dilaksanakan dalam satu sesi selama empat jam, dibahagikan kepada dua bahagian dengan waktu rehat selama 30 minit di antara sesi. Tempoh intervensi ini telah dipersetujui memandangkan waktu sekolah yang terhad dan keperluan untuk menyesuaikan intervensi dengan jadual pengajaran yang sedia ada.

Bahagian Pertama (2 Jam)

Sesi bermula dengan aktiviti yang memfokuskan kepada penerokaan pergerakan berirama dan penerokaan rekoder. Murid diberi peluang untuk mengenali rekoder secara interaktif melalui tayangan video dan bacaan semerta menggunakan notasi digital, sambil melakukan pelbagai bentuk gerakan berirama secara individu dan berkumpulan. Aktiviti diteruskan dengan permainan rekoder sambil melakukan gerakan, yang mengintegrasikan kemahiran meniup rekoder dengan pergerakan fizikal seperti berjalan, menari, memimpin tangan, dan berpusing. Selain itu, aktiviti permainan (*games*) seperti menggunakan bola dan rekoder dijalankan untuk memupuk semangat kerjasama dan koordinasi dalam kalangan murid. Kesemua aktiviti ini diiringi muzik instrumental seperti *healing music*, instrumental orkestra, serta lagu-lagu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) seperti "Jalan-Jalan,"

“Gajah Menari,” dan “Lompat Si Katak Lompat” untuk mewujudkan suasana yang menyenangkan dan merangsang fokus murid. Contoh aktiviti yang dijalankan ditunjukkan dalam Rajah 3.




Rajah 3. Aktiviti pergerakan berirama dalam permainan rekoder (Foto oleh penulis, 2024)

Selepas aktiviti bahagian pertama, murid diberikan waktu selama 30 minit untuk berehat dan bersedia untuk bahagian seterusnya.


Bahagian Kedua (2 Jam)

Sesi diteruskan dengan aktiviti yang lebih terfokus kepada latihan permainan rekoder. Murid dilatih meniup rekoder secara individu dengan berpandukan skor lagu mudah seperti “*Twinkle, Twinkle, Little Star*,” “*Mary Had a Little Lamb*,” “*Ode to Joy*,” dan “*Au Clair de la Lune*” (Rajah 4). Aktiviti seterusnya melibatkan bermain rekoder bersama pasangan, di mana murid diberikan peluang untuk berkolaborasi dan menyelaraskan permainan rekoder mereka dengan pasangan masing-masing. Aktiviti diteruskan dengan meniup rekoder mengikut irama dan melodi lagu, yang mana murid diajar untuk mengintegrasikan tempo dan dinamik permainan rekoder mereka. Semua latihan ini dilaksanakan secara berkumpulan untuk menggalakkan interaksi sosial, empati, dan kerja berpasukan dalam kalangan murid.



MARY HAD A LITTLE LAMB

abac



Ma - ry had a lit - tle lamb,

INTRODUCTION


PRACTICE

TEST

Rajah 4. Skor lagu “Mary Had a Little Lamb” (Sumber: YouTube [https://youtu.be/Z1XfslOWXzI?si=ef1za6vUWayAmddy])”

Keputusan

Data statistik deskriptif bagi tahap kecerdasan emosi responden yang diukur menggunakan soal selidik ditunjukkan dalam Rajah 5.



Rajah 5. Graf deskriptif min kesedaran emosi

Berdasarkan Rajah 5, skor paling tinggi dicatatkan dalam domain Sosial dan Motivasi semasa ujian pasca, iaitu $M = 7.23$, yang menunjukkan tahap

perkembangan yang sangat baik dalam kedua-dua aspek ini selepas intervensi. Skor paling rendah pula direkodkan dalam domain Pengurusan Kendiri selepas intervensi dijalankan, iaitu $M = 6.63$, yang menunjukkan tahap keupayaan peserta mengurus diri. Julat skor antara ujian pra dan ujian pasca dalam setiap domain adalah seperti berikut: Kesedaran Kendiri (0.91), Pengurusan Kendiri (1.00), Motivasi (0.69), Empati (0.80), dan Sosial (0.77). Domain Pengurusan Kendiri menunjukkan julat peningkatan tertinggi sebanyak 1.00, menjadikannya domain yang paling terkesan menerima intervensi kajian. Secara keseluruhan, peningkatan ketara dalam kelima-lima domain ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan ke atas kecerdasan emosi responden.

Keputusan ujian pra dan ujian pasca turut dibandingkan menggunakan ujian-t berpasangan yang dianalisa menggunakan SPSS versi 29. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. *Ujian-t berpasangan*

Pasangan	Min	Sisihan Piawai	95% darjah Interval Keyakinan	Nilai T	Sig.
Ujian Pra	6.11	1.45	<i>Lower:</i> -1.58	-2.39	0.02
Ujian Pasca	6.95		<i>Upper:</i> -0.09		

Keputusan ujian-t berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor purata pelajar sebelum ujian ($M = 6.11$) dan selepas ujian ($M = 6.95$), dengan sisihan piawai perbezaan sebanyak 1.45. Analisis mendapati bahawa julat keyakinan 95% bagi perbezaan antara skor ialah antara -1.58 hingga -0.097, menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam skor selepas ujian. Nilai t yang diperoleh adalah -2.39 dengan nilai signifikan ($p = 0.02$), yang berada di bawah aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan bahawa peningkatan skor selepas ujian adalah signifikan secara statistik, membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan.

Analisis tematik bagi data temu bual telah dijalankan terhadap tujuh orang peserta yang dinamakan P1 hingga P7. Keputusan analisis ditunjukkan dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, tiga tema utama dikenal pasti daripada data temu bual: Berusaha Gigih, Pengurusan Emosi, dan Sokongan dan Strategi. Tema Berusaha Gigih merangkumi respons yang menunjukkan usaha murid untuk bermain muzik dengan baik, seperti berlatih hingga berjaya dan belajar bersungguh-sungguh. Tema Pengurusan Emosi melibatkan tindakan murid untuk mengawal tekanan, menenangkan diri, dan mengatur pernafasan ketika menghadapi cabaran dalam aktiviti muzik. Sementara itu, tema Sokongan dan Strategi mencerminkan strategi murid seperti bertanya kepada guru, berlatih di rumah, dan menyesuaikan diri dengan kesukaran dalam bermain rekoder. Analisis ini menunjukkan bahawa murid menggunakan gabungan usaha gigih, pengurusan emosi, dan strategi sokongan untuk meningkatkan prestasi muzik mereka.

Jadual 2. Analisis tematik temu bual

Verbatim	Pengekoden	Tema	Domain Kecerdasan Emosi
Saya akan berusaha sedaya upaya supaya dapat bermain muzik. P1	Berusaha	Berusaha Gigih	Kesedaran Kendiri Motivasi
Saya akan berusaha sehingga dapat bermain alat muzik. P2			
Jika saya tidak dapat bermain muzik, saya akan cuba sehingga boleh main muzik. P3	Cuba sehingga boleh		
Saya akan cuba main muzik sehingga boleh dan menyambung lagi bila rasa nak main. P5			
Saya akan berasa sedih, saya akan tanya cikgu. Saya akan belajar bersungguh-sungguh. P6	Kesungguhan		
Saya cuba sebaik mungkin sehingga saya dapat bermain muzik. P7			
Saya tidak akan marah walaupun saya tertekan. P1	Bertenang	Pengurusan Emosi	Pengurusan Emosi
Saya akan tenangkan diri daripada rasa marah. P2			
Saya cuba tenangkan diri dan cuba ikuti langkah demi langkah. P7			
Jika tidak dapat main muzik, kita akan rasa susah untuk bermain muzik. P4	Sokongan	Sokongan dan Strategi	Kesedaran Kendiri Motivasi
Saya bermain muzik di rumah pada masa lapang. Saya akan cuba main muzik sehingga boleh dan menyambung lagi bila rasa nak main. P5	Latihan		
Saya akan berasa sedih, saya akan tanya cikgu. P6	Tanya guru		

Analisis tematik turut dijalankan bagi data pemerhatian peserta sepanjang intervensi berlangsung. Keputusan analisis ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Analisis tematik pemerhatian peserta

Rekod Pemerhatian	Pengekodan	Tema	Domain Kecerdasan Emosi
Murid yang pada awalnya agak agresif dan kurang sabar, selepas beberapa aktiviti, mula menunjukkan kesabaran dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan pasangan mereka. Murid yang pada awalnya pemalu dan kurang berani tampil ke hadapan dilihat lebih yakin untuk menyertai dan memimpin rakan dalam permainan rekoder. Kelihatan wajah murid tersenyum dan mesra dengan rakan pada akhir intervensi.	Emosi	Perubahan Emosi dan Sikap	Kesedaran Kendiri
Murid yang pada awalnya agak agresif dan kurang sabar, selepas beberapa aktiviti, mula menunjukkan kesabaran dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan pasangan mereka. Murid yang pada mulanya cenderung bertindak secara individu mula mengambil inisiatif untuk membantu rakan yang kurang mahir dalam permainan rekoder.	Interaksi	Interaksi Sosial dan Kerjasama	Sosial Empati
Murid yang kelihatan kekok, terutamanya dalam menyelaraskan pergerakan dengan rakan lain, menunjukkan peningkatan mengikut rentak kumpulan dengan lebih baik. Semua murid yang pada mulanya tidak boleh membaca skor lagu, sudah boleh bermain rekoder mengikut skor lagu dengan tempo yang betul.	Prestasi	Peningkatan Kemahiran	Pengurusan Kendiri
Murid yang pada mulanya tidak mengangkat tangan untuk menjawab soalan guru telah mengangkat tangan dan berani tampil ke hadapan membuat persembahan. Semua murid mengangkat tangan ingin menyertai aktiviti pergerakan berirama dan permainan rekoder sekali lagi.	Penglibatan	Motivasi dan Penglibatan Aktif	Motivasi

Berdasarkan Jadual 3, didapati berlaku perubahan positif yang ketara dalam aspek kecerdasan emosi peserta kajian selepas intervensi dilaksanakan. Murid yang pada awalnya kurang sabar menunjukkan peningkatan dalam kawalan diri dan kemampuan menyesuaikan diri dengan pasangan mereka, menunjukkan *tret Kesedaran Kendiri*. Mereka yang cenderung bertindak secara individu mula mengambil inisiatif untuk membantu rakan, menunjukkan peningkatan dalam aspek *Kemahiran Sosial dan Empati*. Murid yang kelihatan kekok dalam menyelaraskan pergerakan dan permainan rekoder dengan rakan lain dapat menyesuaikan diri mengikut rentak kumpulan, yang mencerminkan aspek *Pengurusan Kendiri*. Di samping itu, murid yang pada awalnya pemalu dan kurang berani tampil ke hadapan kini lebih yakin untuk menyertai aktiviti, memimpin, dan berusaha untuk menguasai kandungan pelajaran, menandakan kemajuan dalam domain *Motivasi*. Keupayaan mereka membaca skor lagu dan bermain rekoder mengikut tempo yang betul juga menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mereka, dengan semangat untuk menyertai aktiviti muzik yang berterusan selepas intervensi. Secara keseluruhan, didapati intervensi ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran muzik tetapi juga memperbaiki aspek sosial dan emosi murid.

Perbincangan

Berdasarkan keputusan kajian, data kuantitatif menunjukkan bahawa intervensi iaitu integrasi pergerakan berirama dalam permainan rekoder telah memberi kesan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi murid. Analisis menunjukkan perbezaan yang ketara antara skor purata ujian pra ($M = 6.11$) dan ujian pasca ($M = 6.95$), dengan nilai $t = -2.39$ dan nilai signifikan ($p = 0.02$), menunjukkan peningkatan yang konsisten selepas intervensi dijalankan. Menurut Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995), kecerdasan emosi merangkumi lima komponen utama, iaitu *Kesedaran Kendiri* (keupayaan mengenali emosi diri), *Pengurusan Kendiri* (keupayaan mengawal emosi), *Motivasi* (dorongan mencapai matlamat), *Empati* (kepekaan terhadap emosi orang lain), dan *Kemahiran Sosial* (kebolehan membina hubungan baik). Kajian ini menyokong teori Goleman kerana intervensi menunjukkan peningkatan signifikan dalam kelima-lima komponen ini, terutama dalam *Pengurusan Kendiri* dengan peningkatan skor tertinggi sebanyak 1.00. Ini menandakan bahawa keupayaan murid untuk mengurus diri dan emosi mereka bertambah baik melalui pergerakan berirama yang diintegrasikan dengan pembelajaran muzik rekoder. Pergerakan berirama dalam konteks muzik melibatkan koordinasi fizikal, perasaan, dan tumpuan yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran sendiri serta keupayaan mengawal emosi, sejajar dengan prinsip teori Goleman. Aktiviti muzik rekoder juga merangsang aspek motivasi dan kemahiran sosial apabila murid berinteraksi dan berkolaborasi dalam kumpulan, sekali gus memupuk empati terhadap rakan-rakan. Hal ini jelas terbukti melalui peningkatan skor domain *Motivasi* dan *Kemahiran Sosial* kepada 7.23, yang merupakan skor tertinggi dalam kajian ini.

Dapatan kajian ini secara langsung menyokong objektif kajian, iaitu untuk meningkatkan kecerdasan emosi murid sekolah rendah berprestasi akademik rendah melalui pendekatan inovatif mengintegrasikan pergerakan berirama dalam

pembelajaran muzik rekoder. Penemuan ini disokong oleh data kualitatif melalui temu bual mendalam dan pemerhatian berterusan yang memberikan gambaran holistik terhadap perubahan positif dalam kecerdasan emosi murid selepas intervensi. Temu bual bersama murid menunjukkan bahawa strategi pengurusan emosi seperti menenangkan diri ketika berhadapan dengan tekanan dan perasaan cemas adalah hasil langsung daripada latihan pergerakan berirama dan permainan rekoder yang memerlukan fokus, ketenangan, dan koordinasi. Salah seorang peserta menyatakan bahawa apabila berhadapan dengan kesukaran dalam permainan rekoder, mereka mula menarik nafas dalam dan mengingat langkah pergerakan berirama untuk mengawal emosi. Ini menunjukkan bahawa murid telah berjaya mengaplikasikan teknik Pengurusan Kendiri dalam konteks luar muzik, seperti menangani cabaran akademik dan kehidupan seharian.

Peningkatan rasa empati dan kepercayaan untuk memimpin pula dapat dilihat melalui temu bual, di mana murid menyatakan bahawa pengalaman bekerja dalam kumpulan semasa sesi latihan pergerakan berirama membantu mereka memahami emosi dan keperluan rakan-rakan lain. Salah seorang murid berkongsi bahawa dia kini lebih peka terhadap kesukaran yang dihadapi rakan dan lebih cenderung menawarkan bantuan. Pemerhatian menyokong penemuan ini apabila murid dilihat lebih kerap memberikan sokongan kepada rakan dalam menyelesaikan kesilapan dalam permainan rekoder dan memuji usaha rakan yang menunjukkan kemajuan. Ini mengukuhkan bukti bahawa intervensi bukan sahaja membantu murid mengenal pasti dan mengurus emosi sendiri tetapi juga mendorong mereka untuk membina empati dan kemahiran sosial.

Dalam konteks motivasi, temu bual menunjukkan bahawa murid berasa lebih terdorong untuk gigih berlatih selepas melihat peningkatan dalam kebolehan mereka bermain rekoder dan menyertai pergerakan berirama. Perasaan pencapaian kecil ini memberi keyakinan kepada murid untuk meneruskan usaha dalam bidang lain, termasuk subjek akademik. Pemerhatian mencatatkan peningkatan dalam sikap gigih dan ketekunan murid, contohnya mereka yang dulunya cepat putus asa kini berusaha lebih lama dalam menyelesaikan latihan muzik, menunjukkan perubahan ketara dalam motivasi intrinsik mereka. Penemuan ini sejajar dengan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) yang menekankan bahawa penguasaan kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, empati, motivasi, dan kemahiran sosial adalah asas penting dalam perkembangan individu yang seimbang. Kecerdasan emosi yang meningkat membantu murid membina daya tahan mental dan kemahiran interaksi yang positif, sekali gus mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan kolaboratif. Kajian oleh Buşu (2020) turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa individu yang memiliki EQ tinggi lebih sihat secara mental, lebih terbuka kepada pengalaman baharu, dan lebih efektif dalam hubungan sosial. Ini terbukti daripada perubahan tingkah laku murid selepas intervensi, termasuk peningkatan keyakinan diri, kerjasama lebih baik dalam kumpulan, dan kecenderungan membantu rakan.

Keputusan kajian mengetengahkan pergerakan berirama membantu murid mengurus emosi mereka melalui koordinasi fizikal dan muzikal yang memerlukan tumpuan dan kawalan diri. Aktiviti seperti bergerak mengikut irama atau menyelaraskan pergerakan dengan permainan rekoder melatih murid untuk

mengawal impuls negatif (contohnya stres atau kerisauan) dengan menarik nafas dalam dan menyesuaikan tindakan fizikal mengikut irama. Kajian menunjukkan bahawa murid yang pada awalnya agresif atau pasif menjadi lebih sabar dan yakin setelah intervensi, kerana pergerakan berirama bertindak sebagai saluran untuk meluahkan emosi secara positif. Integrasi gerakan, permainan rekoder, dan persembahan muzik memperkukuh kesedaran sendiri (*self-awareness*) melalui respons badan terhadap muzik, membolehkan murid mengenal pasti dan mengurus emosi seperti tekanan atau rendah diri dengan lebih efektif. Murid menunjukkan penerimaan yang sangat positif terhadap aktiviti ini, seperti yang dilihat melalui peningkatan penglibatan aktif dan interaksi sosial. Temu bual mendedahkan bahawa murid menikmati gabungan permainan rekoder dan pergerakan kerana ia menyeronokkan dan tidak membebankan. Contohnya, murid yang pada awalnya pemalu menjadi lebih berani tampil ke hadapan setelah merasai pengalaman berjaya menyelaraskan pergerakan dengan muzik. Pemerhatian juga mencatatkan peningkatan minat untuk berlatih di rumah, menunjukkan bahawa aktiviti ini berjaya merangsang motivasi intrinsik mereka. Walaupun kajian tidak melaporkan perbezaan signifikan secara statistik antara jantina, data kualitatif menunjukkan trend di mana murid perempuan lebih konsisten dalam peningkatan kemahiran sosial dan empati, manakala murid lelaki menunjukkan kemajuan ketara dalam pengurusan sendiri dan motivasi. Ini mungkin berkaitan dengan kecenderungan murid lelaki yang lebih aktif secara fizikal, menjadikan pergerakan berirama sebagai medium efektif untuk mereka mengawal emosi.

Dapatan kualitatif memperkukuh hasil penemuan kuantitatif yang mencerminkan perkaitan positif antara aktiviti muzik yang berstruktur, seperti pergerakan berirama dan permainan rekoder, dengan peningkatan kecerdasan emosi murid. Murid bukan sahaja dapat mengurus emosi dan tekanan dengan lebih baik, tetapi juga menunjukkan peningkatan dalam motivasi, empati, dan kemahiran sosial yang menyumbang kepada pembangunan diri secara menyeluruh. Dapatan ini seterusnya menyokong objektif kajian untuk menilai keberkesanan intervensi pergerakan berirama dalam permainan rekoder serta meneroka pengalaman muzikal murid untuk perkembangan emosi, di mana intervensi ini bukan sahaja membawa manfaat kepada kesejahteraan emosi murid tetapi juga memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik dan persekitaran pembelajaran yang lebih produktif dan inklusif. Melalui penemuan dalam konteks kajian ini, penyelidik mengemukakan model dimensi bagi meningkatkan kecerdasan emosi murid seperti Rajah 6.



Rajah 6. Dimensi meningkatkan kecerdasan emosi


Penyelidik turut mendapati bahawa salah satu faktor utama yang mempengaruhi keputusan kajian ini ialah aktiviti berkumpul dan berpasangan semasa aktiviti pergerakan berirama dan permainan rekoder. Aktiviti berkumpul memberikan pengalaman yang berkesan kerana ia memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi, berkomunikasi, dan berkolaborasi, yang secara langsung melibatkan pelbagai domain kecerdasan emosi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7. Hal ini sedikit sebanyak berkaitan dengan dapatan Druskat (2001) yang mengaitkan kejayaan EI dengan keseimbangan kesedaran sosial dan pengurusan sosial melalui aktiviti berkumpul. Dalam konteks kajian ini, murid yang terlibat dalam permainan rekoder dan pergerakan berirama secara berkumpul berusaha untuk menyampaikan persembahan terbaik, yang secara tidak langsung memerlukan mereka untuk belajar menyesuaikan diri, bekerjasama, menghormati idea, dan memahami emosi rakan.



Rajah 7. Aktiviti berkumpulan pergerakan berirama (Foto-foto oleh penulis, 2024)

Kaedah ini boleh dikaitkan dengan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995), yang menekankan bahawa kecerdasan emosi dapat ditingkatkan melalui pendedahan kepada situasi sosial yang memerlukan kesedaran dan kawalan emosi, serta empati terhadap orang lain. Aktiviti berkumpulan yang dipraktikkan dalam kajian ini menyediakan persekitaran untuk murid mengaplikasikan teori tersebut, di mana murid belajar untuk mengurus emosi diri sambil membina hubungan positif dengan rakan-rakan seperti yang disarankan oleh Buşu (2020). Selain itu, penyelidik turut mengenal pasti kehadiran elemen Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) yang menyokong intervensi kajian dari aspek pembelajaran tingkah laku baharu. Melalui aktiviti berkumpulan, murid-murid bukan sahaja belajar daripada pengalaman mereka sendiri tetapi juga memerhatikan dan meniru strategi ahli kumpulan yang lebih mahir, yang membolehkan mereka bergerak dan meniup rekoder mengikut corak irama dan melodi.

Kajian ini menawarkan pendekatan inovatif untuk membantu murid dengan pencapaian akademik rendah melalui peningkatan kecerdasan emosi mereka. Intervensi muzik yang digunakan melalui pengintegrasian pergerakan berirama dalam permainan rekoder bukan sahaja memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang menyeronokkan, tetapi juga membantu mereka mengembangkan kemahiran emosi dan sosial. Seperti dapatan Buşu (2020), murid dengan EQ yang rendah sering menghadapi kesukaran seperti kurang kawalan emosi, motivasi rendah, dan cabaran dalam hubungan sosial, yang boleh memberi kesan negatif kepada prestasi akademik. Melalui penerokaan muzik dengan menari dan bermain rekoder serta bekerjasama dalam kumpulan, murid belajar mengenali dan mengurus emosi mereka, meningkatkan kesabaran, motivasi, dan keyakinan diri, yang semuanya penting dalam meningkatkan prestasi akademik. Murid belajar menenangkan diri dan kekal fokus ketika melakukan aktiviti muzik, yang seterusnya merangsang motivasi untuk menghasilkan yang terbaik, memupuk kesungguhan untuk turut berjaya dalam mata pelajaran lain. Penyelidik merumuskan kerangka dapatan kajian ini seperti ditunjukkan dalam Rajah 8.



Rajah 8. Rumusan dapatan kajian

Kesimpulan

Keunikan kajian ini terletak pada integrasi muzik sebagai alat pedagogi untuk memperkukuh kecerdasan emosi murid, memperluaskan peranan muzik daripada sekadar aktiviti kreatif kepada medium untuk perkembangan holistik. Kajian ini juga memperkenalkan elemen reflektif dalam pembelajaran muzik, yang membantu murid memahami dan mengurus emosi mereka dengan lebih baik. Berbeza daripada pendekatan tradisional yang hanya menekankan prestasi akademik atau kemahiran muzik secara terasing, kajian ini menonjolkan muzik sebagai mekanisme yang berkesan untuk melatih murid mengenali, memahami, dan mengurus emosi mereka dalam konteks praktikal. Novelti kajian ini juga dapat dilihat melalui penekanan terhadap aktiviti reflektif dalam muzik, yang membantu murid memahami bagaimana emosi mempengaruhi prestasi dan interaksi sosial. Dengan menggabungkan Pendekatan Euritmik Dalcroze (Jaques-Dalcroze, 1930) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995), kajian ini mencipta pendekatan sinergi yang menjadikan aktiviti muzik lebih bermakna dan relevan untuk perkembangan holistik murid, seterusnya berpotensi meningkatkan pencapaian akademik. Intervensi ini, yang menggunakan muzik sebagai platform untuk meningkatkan EQ, sambil membina kemahiran kolaborasi dan motivasi intrinsik, memberikan alternatif baharu dalam pendidikan rendah yang dapat disesuaikan dalam konteks budaya dan persekitaran.

Melalui gabungan elemen kinestetik (pergerakan) dan muzikal (rekoder), intervensi ini menyediakan platform holistik untuk murid melatih kesedaran sendiri, pengurusan emosi, dan kemahiran sosial secara serentak. Contohnya, aktiviti berkumpul seperti menyelaraskan pergerakan dengan irama muzik bukan sahaja meningkatkan koordinasi fizikal tetapi juga menggalakkan kerjasama dan empati, iaitu komponen kritikal kecerdasan emosi yang sering terabai dalam pendekatan

akademik tradisional. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam semua domain EQ, sekaligus membuktikan bahawa pendekatan ini mampu mengisi jurang pedagogi sedia ada dengan menyediakan kaedah pembelajaran yang lebih menarik dan relevan untuk murid yang kerap menghadapi cabaran emosi. Pendekatan ini membuktikan bahawa kecerdasan emosi dan pencapaian akademik bukan dua elemen yang terpisah, tetapi saling memperkukuh dan mengimbangi. Bagi kajian akan datang, penyelidik menyarankan agar skop kajian berkaitan keberkesanan intervensi muzik ini dijalankan dalam konteks yang lebih luas, seperti mengaplikasikan pergerakan berirama dalam subjek teras seperti Matematik, Sains, dan bahasa. Kajian lanjutan juga boleh menggunakan teknologi muzik seperti aplikasi pembelajaran interaktif untuk meningkatkan pengalaman murid, serta mengkaji kesan muzik terhadap kesejahteraan emosi dan prestasi akademik menggunakan reka bentuk eksperimental tulen. Dengan ini, keberkesanan intervensi muzik dapat difahami dengan lebih mendalam dan dimanfaatkan secara meluas dalam pendidikan.

Penghargaan

Kajian ini disokong dana Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA), Universiti Teknologi MARA. Penyelidik melaporkan penggunaan AI iaitu ChatGPT 5.0 dalam menstruktur bahasa, menyeleraskan tatabahasa, dan perbendaharaan kata dalam penulisan artikel ini. Penyelidik melaporkan tiada konflik kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Antonopoulou, H. (2024). The value of emotional intelligence: Self-awareness, self-regulation, motivation, and empathy as key components. *Technium Education and Humanities*, 8, 78–92. <https://doi.org/10.47577/teh.v8i.9719>
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.
- Blasco-Magraner, J. S., Bernabe-Valero, G., Marín-Liébana, P., & Moret-Tatay, C. (2021). Effects of the educational use of music on 3-to 12-year-old children's emotional development: A systematic review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(7), 3668. <https://doi.org/10.3390/ijerph18073668>
- Buşu, A. F. (2020). Emotional intelligence as a type of cognitive ability. *Revista de Ştiinţe Politice. Revue des Sciences Politiques*, (66), 204–215.
- Calderón-Garrido, D., & Gustems-Carnicer, J. (2021). Adaptations of music education in primary and secondary school due to COVID-19: The experience in Spain. *Music Education Research*, 23(2), 139–150. <https://doi.org/10.1080/14613808.2021.1902488>
- D'Souza, A. A., & Wiseheart, M. (2018). Cognitive effects of music and dance training in children. *Archives of Scientific Psychology*, 6(1), 178–192. <https://doi.org/10.1037/arc0000048>
- Del Barrio, L., & Arús, M. E. (2024). Music and movement pedagogy in basic education: A systematic review. *Frontiers in Education*, 9, 1403745. <https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1403745>

- Denisova, I. (2016). Realization of emotional component at eurhythmic's lessons in special schools. *World Science*, 5(10 (14)), 64–66.
- Dingle, G. A., Sharman, L. S., Bauer, Z., Beckman, E., Broughton, M., Bunzli, E., Davidson, R., Fairchild, R., Garrido, S., Harris, R., Hendry, C., Mitchell, C., Morris, P., Perz, J., Poulos, R. G., Robinson, K., Stewart, D., Stoyanov, S. R., ... Wright, O. R. L. (2021). How do music activities affect health and well-being? A scoping review of studies examining psychosocial mechanisms. *Frontiers in Psychology*, 12, 713818. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.713818>
- Druskat, V. U., & Wolff, S. B. (2001). Building the emotional intelligence of groups. *Harvard Business Review*, 79(3), 80–91.
- Goleman, D. P. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ for character, health and lifelong achievement*. Bantam Books.
- Hazni Abd Rahim, Mohd Ismail Ibrahim, Azriani Ab Rahman, Najib Majdi Yaacob, & Nur Syuhada Farhanis Hashim. (2023). Emotional and behavioural problems among preschool children in Northeast Peninsular Malaysia: Parent report version. *Healthcare*, 11(13), 1828. <https://doi.org/10.3390/healthcare11131828>
- Jamilahbi Mohamed Ishaque. (2022). Meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dengan menggunakan kaedah video muzik. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif*, 1(1), 110–119.
- Jaques-Dalcroze, É. (1930). *Eurhythmics, art and education*. Chatto & Windus.
- Juntunen, M. L. (2004). *Embodiment in Dalcroze eurhythmics* [Doctoral dissertation, University of Oulu]. University of Oulu Repository.
- Kang, N. (2009). The effect of music psychotherapy on improvising motivation of underachieving students. *Journal of Music and Human Behavior*, 6(2), 1–23.
- Lauffenburger, S. K. (2020). 'Something more': The unique features of dance movement therapy/psychotherapy. *American Journal of Dance Therapy*, 42, 16–32. <https://doi.org/10.1007/s10465-020-09321-y>
- Lee, M. J., & Ruhizan M. Yasin. (2020). Pengintegrasian aktiviti pembelajaran berunsur muzik dalam membantu perkembangan sosioemosi dan minat murid B40. In *Conference of Future Education and Advances (ICOFEA) 2020* (p. 292). MASREE.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? In P. Salovey & D. Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications* (pp. 3–31). Basic Books.
- Md Jais Ismail, Loo, F. C., & Azu Farhana. (2021). Learning music through rhythmic movements in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 18(1), 241–263. <https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.1.10>
- Noradilah Md Nordin. (2022, March 29). Abai kecerdasan emosi jejas pencapaian akademik murid lelaki. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/03/939785/abai-kecerdasan-emosi-jejas-pencapaian-akademik-murid-lelaki>
- Nur Kadariah Mansor, Kama Shaffeei, & Kway, E. H. (2024). Elemen muzik dalam literasi Bahasa Melayu murid berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 1–11. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.1.2024>
- Ruokonen, I., Tervaniemi, M., & Reunamo, J. (2021). The significance of music in early childhood education and care of toddlers in Finland: An extensive observational study. *Music Education Research*, 23(5), 634–646. <https://doi.org/10.1080/14613808.2021.1965564>

- Schiltz, L. (2016). Treating the emotional and motivational inhibition of highly gifted underachievers with music psychotherapy: Meta-analysis of an evaluation study based on a sequential design. *Bulletin de la Societe des sciences medicales du Grand-Duche de Luxembourg*, 1, 7–26.
- Steinberg, S., Liu, T., & Lense, M. D. (2021). Musical engagement and parent-child attachment in families with young children during the COVID-19 pandemic. *Frontiers in Psychology*, 12, 641733. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.641733>
- Wu, C. C., Xiong, H. Y., Zheng, J. J., & Wang, X. Q. (2022). Dance movement therapy for neurodegenerative diseases: A systematic review. *Frontiers in Aging Neuroscience*, 14, 975711.
- Zhou, Z., Zhou, R., Wei, W., Luan, R., & Li, K. (2021). Effects of music-based movement therapy on motor function, balance, gait, mental health, and quality of life for patients with Parkinson's disease: A systematic review and meta-analysis. *Clinical Rehabilitation*, 35(7), 937–951. <https://doi.org/10.1177/026921552199052>

Biography

Md Jais Ismail is a senior lecturer at the Faculty of Music, Universiti Teknologi MARA, and a fellow at Institut Seni Kreatif Nusantara (INSAN). With over 15 years of experience in teaching music across primary, secondary, and university levels including working with gifted students, Dr. Md Jais has made significant contributions to the field of music education. He is a scholar in the areas of music pedagogy, choreomusicology, and gifted education, with a strong focus on integrating traditional music into contemporary educational frameworks. Dr. Md Jais has published extensively in indexed journals and has presented his work at numerous conferences. His research often explores innovative ways to blend artistic traditions with modern pedagogical practices, particularly in the context of gifted education. As a member of curriculum panels for the Ministry of Education and a frequent judge for music competitions, he has played a pivotal role in shaping the direction of music education policy in Malaysia.